



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK PEMBINAAN SUKU TAHUNAN, MALAYSIA, SUKU PERTAMA 2023

**Sektor pembinaan mengekalkan momentum positif pada suku pertama 2023
dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9.4 peratus**

PUTRAJAYA, 10 Mei 2023 – Sektor pembinaan mengekalkan momentum positif pada suku pertama 2023 dengan nilai kerja pembinaan meningkat sebanyak 9.4 peratus kepada RM32.2 bilion. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **Statistik Pembinaan Suku Tahunan, Malaysia, Suku Pertama 2023**.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Peningkatan nilai kerja pembinaan pada suku pertama tahun 2023 didorong oleh peningkatan dua digit dalam Kejuruteraan awam (17.2%); diikuti oleh subsektor Bangunan bukan kediaman dan Aktiviti pertukangan khas yang meningkat masing-masing sebanyak 9.6 peratus dan 9.0 peratus. Sementara itu, nilai kerja pembinaan dalam subsektor Bangunan kediaman menurun sebanyak 2.2 peratus berbanding pertumbuhan positif sebanyak 5.3 peratus yang direkodkan pada suku sebelumnya".

Pada suku pertama 2023, jumlah nilai kerja pembinaan adalah sebanyak RM32.2 bilion dengan Kejuruteraan awam menyumbang sebanyak RM12.1 bilion atau 37.6 peratus, manakala Bangunan bukan kediaman menyumbang 30.5 peratus dengan nilai sebanyak RM9.8 bilion. Selain itu, nilai kerja pembinaan bagi Bangunan kediaman dan Aktiviti pertukangan khas masing-masing merangkumi 21.7 peratus dan 10.2 peratus.

Mengulas lanjut mengenai prestasi sektor Pembinaan mengikut pemilik projek, Ketua Perangkawan berkata, "Sektor swasta kekal sebagai pendorong utama kepada pertumbuhan pada suku ini, dengan peningkatan sebanyak 10.6 peratus (ST4 2022: 23.5%). Nilai kerja oleh sektor swasta berjumlah RM19.8 bilion atau 61.4 peratus daripada jumlah nilai kerja pembinaan. Sementara itu, nilai kerja pembinaan yang dimiliki oleh sektor awam berjumlah RM12.4 bilion atau 38.6 peratus daripada jumlah nilai keseluruhan, meningkat sebanyak 7.4 peratus pada suku ini (ST4 2022: 4.7%)".


Menganalisis prestasi sektor Pembinaan mengikut negeri, lebih daripada satu per tiga daripada nilai kerja pembinaan pada suku pertama tahun 2023 tertumpu di Selangor (RM8.1 bilion atau 25.1%) dan Wilayah Persekutuan (RM4.1 bilion atau 12.7%). Seterusnya, diikuti oleh Sarawak dan Johor dengan kedua-duanya mencatat nilai kerja pembinaan pada RM3.4 bilion (10.6%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Carta 1: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus, ST1 2020 – ST1 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 MEI 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

QUARTERLY CONSTRUCTION STATISTICS, MALAYSIA, FIRST QUARTER 2023

The Construction sector sustained its positive momentum in the first quarter of 2023, registering a growth of 9.4 per cent

PUTRAJAYA, 10 May 2023 – The Construction sector sustained its positive momentum in the first quarter of 2023 with the value of work done expanded by 9.4 per cent to RM32.2 billion. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of **Quarterly Construction Statistics, Malaysia, First Quarter 2023**.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, "The expansion of value of work done in the Construction sector in the first quarter of 2023 supported by a double-digit increase in Civil engineering (17.2%); followed by Non-Residential buildings sub-sectors and Special trade activities which increased by 9.6 per cent and 9.0 per cent respectively. Meanwhile, the value of work done in the Residential buildings sub-sector declined by 2.2 per cent as against positive growth of 5.3 per cent recorded in the previous quarter".

During the first quarter of 2023, the total work done value amounted to RM32.2 billion with Civil engineering accounting for RM12.1 billion or 37.6 per cent, while Non-residential buildings contributed 30.5 per cent with a value of RM9.8 billion. Additionally, the Residential buildings and Special trade activities represented 21.7 per cent and 10.2 per cent of the work done value respectively.

Commenting on the performance of the Construction sector by the project owner, the Chief Statistician said, "The private sector remained as the main impetus to the growth in this quarter, with an increase of 10.6 per cent (Q4 2022: 23.5%). The value of work done by the private sector amounted to RM19.8 billion or 61.4 per cent of the total construction work done value. On the other hand, the value of work done owned by the public sector stood at RM12.4 billion or 38.6 per cent of the total value, which rose by 7.4 per cent in this quarter (Q4 2022: 4.7%)".


Analysing the performance of the Construction sector by state, more than one-third of the work done value in the first quarter of 2023 was concentrated in Selangor (RM8.1 billion or 25.1%); and Wilayah Persekutuan (RM4.1 billion or 12.7%). Sarawak and Johor ranked next, with both recording the value of work done at RM3.4 billion (10.6%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Value of Work Done and Percentage Change, Q1 2020 – Q1 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 MAY 2023